

**Kelab Umno Luar Negara Bantu Semua Pelajar Malaysia Tanpa Mengira Bangsa -
Ahmad Shabery
Bernama
16 Jun, 2013**

JAKARTA, 16 Jun (Bernama) -- Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata Kelab Umno Luar Negara adalah sebuah badan yang banyak membantu penuntut Malaysia tanpa mengira bangsa.

Beliau berkata meskipun anggotanya terdiri daripada penuntut Melayu di luar negara, namun kelab itu mampu menyalurkan bantuan kerana ia wujud di mana sahaja terdapat pelajar Malaysia, termasuk di tempat terpencil.

"Selain kerajaan Malaysia, ada juga badan bukan kerajaan termasuk Kelab Umno yang membantu dari segi kebajikan para pelajar Malaysia di mana sahaja mereka berada," katanya di sini Sabtu malam.

Ahmad Shabery, yang juga Pengerusi Kelab Umno Luar Negara, berkata selaras perkhidmatan kelab itu, ia telah berperanan sebagai duta kecil kepada pelajar Malaysia dalam memberi pertolongan awal sebelum pihak kedutaan besar negara tiba di sesuatu tempat.

Menteri itu turut mengingatkan pelajar Malaysia agar tidak terlalu bersikap hanya bergaul sesama mereka ketika di luar negara sebaliknya harus mempunyai ramai sahabat dari negara tuan rumah dan negara lain.

Selain menjalin hubungan persahabatan dengan rakyat negara lain, pelajar Malaysia khususnya anggota Kelab Umno berpeluang menabur bakti sebagai sukarelawan dalam kejadian bencana atau menjadi pihak yang membantu golongan kurang bernasib baik di negara tuan rumah.

Beliau turut memuji Kelab Umno Indonesia kerana aktif dengan pelbagai kegiatan seperti program membantu orang gelandangan yang dirancang pada bulan Ramadan ini.

Ahmad Shabery juga meminta Kelab Umno di Indonesia memberi penerangan kepada pelajar Malaysia berkaitan sistem pilihan raya negara dan bahawa rakyat sekali lagi memberi mandat secara sah kepada Barisan Nasional untuk terus memerintah.

Beliau berkata penerangan itu penting agar pelajar Malaysia tidak keliru dengan isu yang dibawa pembangkang seperti 'black out 505' selepas pilihan raya umum ke-13.

Pada masa ini, terdapat 73 Kelab Umno Luar Negara di seluruh dunia dan Indonesia mempunyai cawangan terbanyak iaitu 13.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=956371>